KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	27.02.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Operasi tangkap pak belang masih berjalan

GUA MUSANG – Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menutup tiga sektor operasi menangkap harimau di perkampungan Orang Asli di sini berikutan tiada kesan haiwan itu di kawasan berkenaan.

Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia, Datuk Fakhrul Hatta Musa berkata, pihaknya kini menumpukan operasi di sektor satu iaitu di Kampung Remau, Pos Bihai apabila mengesan seekor harimau di situ pada 18 Februari lalu.

"Selepas 77 hari menjalankan operasi di Pos Bihai, Pos Balar dan Pos Belatim, kawalan operasi di sektor dua, tiga dan empat telah ditutup.

"Sebelum ini, harimau itu memang berada di kawasan sektor satu, dua, tiga dan empat. Selepas menjalankan pemantauan, harimau belang itu didapati sudah tidak kelihatan di tiga sektor.

"Jadi, kita akan menumpukan di kawasan sektor satu iaitu di Kampung Remau apabila ada kesan harimau berhampiran habitat asalnya," katanya ketika ditemui di pusat kawalan operasi harimau di Sekolah Kebangsaan Bihai, di sini semalam.

Menurut Fakhrul, meskipun tiga sektor operasi telah ditutup, pihak Perhilitan dan anggota Pasukan Senoi Praaq


'Kami makin takut nak masuk hutan'

KERATAN *Kosmo!* 9 Januari 2022.

atau Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) tetap akan melakukan pemantauan secara berkala sekiranya mendapat maklumat kehadiran harimau di kawasan itu.

Katanya, selain itu, sebanyak lapan perangkap harimau belang atau 'perangkap wahab' dan 64 kamera turut dipasang di kawasan itu.

"Kita akan terus bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pendidikan. Operasi ini bukan hanya fokus kepada keselamatan penduduk, namun harimau belang tetap terpelihara kerana kawasan ini adalah kawasan yang sangat kaya dengan spesies harimau Malaya.

"Dianggarkan terdapat 14 ekor harimau di kawasan Pos Bihai," katanya.

Pada 7 Januari lalu, seorang lelaki Orang Asli, Anek Along, 59 tahun ditemui maut selepas dipercayai dibaham seekor harimau belang di Kampung Sau, Pos Bihai.